

07 JUN 1999

Mahathir-PAS

PAS PATUT TUKAR NAMA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata PAS patut menukar namanya kepada "Parti Islam Dan Lain-lain" kerana membuka keanggotaan parti itu kepada bukan Islam.

"Ini menunjukkan bahawa PAS dah ubah matlamat dan dengan itu ia tidak lagi menjadi parti Islam sepenuhnya dan saya bersetujulah dia patut tukar nama kepada Parti Islam Dan Lain-lain," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini, malam ini.

Mesyuarat bulanan itu merupakan yang pertama dihadiri oleh Setiausaha Agung UMNO yang baru Tan Sri Khalil Yaakob.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, dasar yang diamalkan oleh PAS sentiasa berubah setiap kali menjelang pilihan raya.

Pada pilihan raya kali ini PAS sanggup bekerjasama dengan DAP yang secara terang bercabggah dengan matlamat PAS untuk menubuhkan kerajaan Islam.

"Dalam Islam kita boleh bekerjasama dengan orang yang tidak bermusuhan dengan kita, tetapi ini DAP dengan terang bermusuhan dengan PAS, jadi PAS nak bekerjasama dengan musuh," katanya.

Perdana Menteri tidak hairan dengan tindakan PAS kerana parti itu sanggup bekerjasama dengan syaitan, apa lagi dengan DAP.

"Kalau kita tengok setiap kali pilihan raya, dasar PAS bertukar, sekali dia nak buat negara baldatun taibah warabbun ghafur, selepas itu dia nak buat negara Islam, bila masuk BN (Barisan Nasional) dia tukar, bila keluar BN dia tukar balik."

"Bila dia nampak tidak boleh menang dengan BN, dia kerjasama dengan DAP pula, tiap kali pilihan raya dia akan bertukar, dia macam air pasang surut juga," katanya.

Ditanya sama ada UMNO melihat PAS lebih memberikan saingan berbanding parti lawan yang lain berdasarkan pertukaran hujah antara kedua-dua parti itu, Dr Mahathir berkata, UMNO memberi tumpuan kepada PAS kerana dalam pilihan raya nanti calon-calon Umno akan berdepan dengan PAS.

"MCA dan Gerakan pula memberi tumpuan kepada DAP, tak ada siapa memberi tumpuan kepada parti sosialis rakyat," katanya.

-- BERNAMA

AFY PR